
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HKN 502 - SEMINAR KESUSASTERAAN NUSANTARA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA soalan daripada Bahagian A, dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. "... Retorik kolonial digunakan untuk mengawal kaitan kuasa antara Barat yang menjajah dan Timur yang dijajah, sambil mengeneipkan budaya peribumi dan meletakkan ciri-cirinya di pinggiran teks", (Zawiah Yahya, 1994).

Huraikan pandangan di atas dalam kaitannya dengan konsep pusat dan pinggir dalam Kesusasteraan Pascakolonial. Perlihatkan konsep tersebut dalam mana-mana cerpen penulis ASAS 50.

2. "Di satu pihak saya juga ingin menyadarkan masyarakat akan dua hal. Pertama, bahwa dalam realitanya hubungan seks itu bukan hanya ada dalam pernikahan. Yang kedua, hubungan seks dalam pernikahan sendiri bukan berarti lebih baik dari hubungan seks di luar itu", (Ayu Utami, 2004).

Bincangkan pernyataan Ayu Utami itu melalui ekspresi seksualiti watak-watak wanita di dalam novel **Saman** dan **Larung** sebagai bantahan terhadap pandangan umum masyarakat yang telah dibentuk oleh wacana patriarki. Bagaimanakah pandangan moral anda terhadap kenyataan Ayu Utami itu?

3. Apakah yang anda faham dengan istilah satira *juvenalia* dan satira *horatia*? Dengan bukti-bukti yang relevan, perlihatkan jenis satira manakah yang sesuai untuk dipadankan dengan salah satu daripada novel tersebut, iaitu **Shit** karya Shahnnon Ahmad atau **Harimau! Harimau!** karya Mochtar Lubis?
4. Huraikan perbezaan antara tafsir dengan takwil. Dengan menganalisis puisi "Nabi Sulaiman Tersenyum" karya Kiyai Haji Mustofa Bisri yang dilampirkan, berikan kewajaran mengapakah anda memilih kaedah tafsir ataupun kaedah takwil untuk menganalisis puisi ini?

Bahagian B

5. Mitos “Peri Kejadian Yang Menanggung Bumi” yang terdapat dalam ***Bustan al-Salatin*** adalah pancaran idea kosmologi masyarakat Melayu yang menerima pengaruh dari tradisi masyarakat Arab purba dan Islam. Bincangkan faktor-faktor yang membawa pengaruh kewujudan idea kosmologi ini dalam kesusasteraan Melayu, serta kesannya terhadap pemikiran dan kepercayaan masyarakat Melayu.
6. Dengan mengambil ***Cerita Selampit*** dan sebuah karya yang sejenis dari Indonesia sebagai perbandingan, bincangkan peranan dan kesesuaian genre lipur lara sebagai medium keindahan yang bersifat kederiaan seperti yang disarankan oleh Braginsky.
7. ***Undang-Undang Pelabuhan Kedah*** dan ***Undang-Undang Pelabuhan Aceh*** memberi kebenaran kepada nakhoda mengamalkan “adat memberi hadiah” kepada pihak pengurusan pelabuhan. Bincangkan rasional adat ini dan kelebihan serta batasan hak yang dimiliki oleh seorang penguasa pelabuhan dan nakhoda untuk menerima hadiah.
8. Bincangkan kedudukan Raja Ali Haji selaku pengarang adab ketatanegaraan melalui karyanya ***Thamarat al-Muhimmah*** berbanding dengan Nuruddin al-Raniri dalam ***Bustan al-Salatin***.

Lampiran 1

“Nabi Sulaiman Tersenyum”

Di atas kuda

Nabi Sulaiman tersenyum mendengar

Suara lirih semut di bawah:

“Awas, Sulaiman dan pasukannya lewat
Bersembunyi! Jangan sampai kalian terinjak!”

Nabi Sulaiman tersenyum dan berkata

Kepada pasukannya:

“Awas ada kawanan semut di bawah
Jangan sampai kalian injak!”

Semut-semutpun berdoa

Untuk keselamatan Nabi Sulaiman dan pasukannya

Dan semoga yang di atas

Seperti Nabi Sulaiman

Sudi mendengar dan mengerti

Mereka yang dibawahnya.

(Mustofa Bisri, 1995).